

"Salurkan faedah kenaikan nilai \$ kepada pengguna"

U.M. 27 AUG 1992

KUALA LUMPUR 26 Ogos — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mahu peniaga dan pengimport menyalurkan faedah kenaikan nilai ringgit kepada pengguna dengan menurunkan harga barangan.

Beliau menegaskan, peniaga dan pengimport tidak patut mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan besar daripada faedah kenaikan nilai ringgit.

Mereka, kata beliau, sepatutnya menurunkan harga apabila kos menurun sebagaimana harga dinaikkan apabila kos meningkat.

"Dengan cara ini inflasi akan dapat dikawal. Kecenderungan untuk mengaut untung dari penurunan kos dan bertindak menaikkan harga serta merta apabila kos meningkat hendaklah dicegah," katanya berucap di majlis makan malam institusi-institusi kewangan di sini malam ini.

Dr. Mahathir berkata, kenaikan nilai ringgit menu-

runkan kos mengimport jentera dan peralatan kilang serta bahan mentah lain dan faedah penurunan harga itu haruslah disalurkan ke bawah.

Perdana Menteri menambah, kadar inflasi yang rendah akan mengurangkan tekanan kenaikan upah dan ini akan dengan sendirinya memberi faedah kepada pengimport bahan mentah dan pengeluar barangan siap.

Beliau berkata, pengusaha, peniaga dan pengimport Malaysia harus mencontohi rakan-rakan mereka di Jepun yang tidak menaikkan harga barangan mereka walaupun harga minyak mentah naik dan nilai yen meningkat.

Beliau menegaskan, pengawalan inflasi tidak seharusnya dibebankan pada kerajaan dan undang-undang semata-mata, sebaliknya orang ramai harus memainkan peranan utama.

Menyentuh tentang institusi kewangan pula, Dr. Mahathir berkata, bank-bank haruslah

menyokong usahawan dan pencipta tempatan yang mempunyai wawasan dan minat untuk mencipta dengan mengenakan atau tidak meminta langsung cagaran.

"Tokoh-tokoh bank Malaysia sekarang juga perlu menceburi bidang-bidang baru yang melampaui aspek pembiayaan tradisional yang berasaskan cagaran dengan memasuki projek yang lebih mencabar dan pembiayaan secara perkongsian modal.

Perdana Menteri juga mahu bank-bank memberi lebih perhatian kepada langkah membersihkan operasinya daripada penyelewengan kerana teknologi canggih dengan penggunaan komputer dan urusan kewangan secara elektronik membuka ruang baru kepada aktiviti penyelewengan dan penipuan.

Menurutnya, pada tahun lalu institusi bank melaporkan 193 kes penyelewengan dianggarkan bernilai \$600 juta berbanding 778 kes bernilai

kurang daripada \$30 juta pada tahun 1990.

Angka-angka itu tidak termasuk kes penipuan kad kredit yang pada tahun 1991 sahaja sebanyak 14,006 kes melibatkan wang bernilai \$17 juta.

Dr. Mahathir berkata, sebahagian besar daripada penyelewengan yang dilaporkan itu dapat dikesan dan didapatkan semula wangnya dan kerugian sebenar yang ditanggung oleh bank-bank hanya \$25 juta.

Katanya, kerajaan mendedang serius jenayah kolar putih ini dan sedang mengkaji hukuman yang berat ke atas pesalahnya, bagaimanapun ini bukanlah jalan penyelesaian yang terbaik.

Beliau berkata, untuk mengatasi masalah ini langkah pencegahan harus bermula dari awal lagi iaitu semasa pengambilan pekerja dengan menekankan pada aspek disiplin, maruah, kewibawaan dan amanah di semua peringkat pekerja.